

01 AUG 2002

LID-Mahathir (Demokrasi)/I (Bergambar)

DR MAHATHIR SELAR USAHA MENJADIKAN NEGARA MEMBANGUN TIDAK STABIL

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar media antarabangsa dan negara-negara liberal barat yang bekerja keras untuk melemahkan demokrasi negara baru membangun sehingga ke tahap menyokong usaha menjatuhkan kerajaan.

Mereka tidak mahu mempercayai bahawa rakyat di negara berkenaan telah secara demokrasi memilih kerajaan masing-masing, kata Perdana Menteri.

"Mereka tidak percaya bahawa peribumi yang telah mereka jajah sebelum ini memahami demokrasi atau kedaulatan undang-undang," kata Dr Mahathir semasa merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri malam ini.

Global 2002 juga merangkumi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Dr Mahathir berkata jika negara-negara terbabit stabil dan dalam keadaan yang baik, media antarabangsa dan negara-negara barat menuduh pemimpinnya sebagai diktator.

"Mereka mereka-reka cerita bahawa walaupun rakyat menyokong pemimpin negara berkenaan dengan penuh semangat, sebenarnya mereka dipaksa berbuat demikian, untuk bersalaman dengan pemimpin ini, dipaksa untuk senyum dan melaungkan sokongan mereka," katanya.

"Atau mereka akan membuat laporan yang bertentangan dengan hakikat bahawa pemimpin-pemimpin ini tidak dihiraukan oleh rakyat, bahawa rakyat takutkan mereka," kata Dr Mahathir, yang juga penaung dan penasihat Global 2002.

Kira-kira 400 pemimpin kerajaan dan perniagaan, pasangan masing-masing serta usahawan muda menghadiri dialog empat hari yang bertujuan mewujudkan perkongsian pintar bagi meningkatkan keselamatan dan kemakmuran bagi melaksanakan pembangunan.

"Bagi media dan kerajaan barat ini, tiada apa yang betul yang dilakukan oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

"Dan oleh kerana mereka telah menyakinkan diri mereka sendiri menerusi pembongkaran bahawa kerajaan ini tidak baik, mereka akan lakukan apa sahaja untuk menjadikan negara-negara ini tidak stabil.

"Mereka akan menyokong dan menggalakkan sesiapa sahaja, terutama NGO (pertubuhan bukan kerajaan), untuk menjatuhkan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata mempromosikan demokrasi mungkin bukan kerana demokrasi itu baik.

"Ia mungkin kerana demokrasi boleh menjadikan kita tidak stabil," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau menyokong demokrasi kerana ia merupakan sistem pentadbiran terbaik yang pernah dicipta manusia.

"Tetapi ia mungkin tidak selalunya berjaya. Rakyat mesti canggih dan perlu tahu had jika demokrasi akan berakhir dengan anarki," katanya.

Demokrasi liberal barat yang berusia kira-kira 200 tahun, telah melalui ujian dan kesilapan serta sistem demokratik yang sering ditinggalkan sebelum ia berkembang pada kedudukan sekarang, katanya.

Dr Mahathir berkata di kebanyakan negara-negara ini, terdapat hanya dua parti politik yang efektif, dan satu atau yang lain boleh mencapai majoriti dan penubuhan kerajaan.

"Tetapi rakyat dalam negara baru membangun, hanya memahami hak dan kebebasan.

"Bagi mereka, demokrasi bermakna menubuhkan seberapa banyak parti

politik bagi merebut kedudukan politik, atau kebebasan bermakna menyatakan apa sahaja sesama mereka tanpa mengira sensitiviti dan akibatnya," kata Dr Mahathir.

Dialog empat hari itu bermula hari ini dengan sesi khas untuk ketua-ketua negara dan kerajaan serta rakan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Selain sesi utama, sesi selari untuk pelbagai hubungan juga akan diadakan. Sesi khas membabitkan kumpulan kakitangan kerajaan/ahli politik, perniagaan, isu sosial dan kebudayaan.

-- BERNAMA  
AZZ SHY NHD